

THE TITAN

richworks.com/thetitan

HUBMEAL

DARI BILIK SEWA, KE AYAM GORENG KOREA

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

27 NOVEMBER 2022 | BIL: 35
www.richworks.com

Industry View
INDUSTRI
MAKANAN
HALAL

THE
TITAN



JATUH SEKALI, BANGKIT 10X LEBIH TINGGI

Berhasrat mahu menyediakan bilik yang selesa kepada penyewa ekoran kecawa dengan keadaan ruang tamu diubah menjadi bilik yang pernah dihuni ketika awal hijrahnya ke ibu kota dahulu,

"Paku sana sini dan letak kain nipis jadi pembahagi. Bagi bantal dan tilam pun bau tak menyenangkan.

"Waktu saya duduk tu saya berikar, satu hari nanti, kalau aku ada rumah sendiri aku akan pastikan penyewa hidup selesa," tekad Muhamad Ajmal Muhamad.

Daripada sebuah bilik sewa, bertambah sehingga 700 bilik sewa.

UNIVERSITI PKP

Langit tak selalu cerah, perniagaan yang sedang rancak tiba-tiba terpaksa gulung tikar dek pandemik Covid-19 yang melanda dunia.

Situasi itu berlaku apabila ramai penyewa tidak dapat membayar sewa mengakibatkan syarikatnya turut terjejas dan akhirnya tutup.

"Payment tak boleh diselesaikan, ramai orang sangkut. Kami pun sangkut. Apabila habis kami tutup semua unit. Bayangkan waktu itu ada beratus tilam, almari, televisyen dan mesin basuh.

"Waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kami cuba jual, tapi tak laku. Saya cakap dengan team, dah tak boleh berniaga dengan orang kita berniaga dengan Allah sahaja. Kita infak semua.

Ekoran situasi itu, beliau yang berada dalam program mentoring Titanium terpaksa akur keluar daripada program itu dan ke Spire.

"Daripada Spire saya terpaksa turun lagi ke Elite X, kerana waktu itu saya memang tak mampu," luahnya yang berdepan situasi getir ketika itu.



PESAN AYAH, PESAN GURU

Bahkan sewaktu bisnes jatuh, ayahnya pula sedang mengalami sakit buat pinggang yang kritikal.

Namun kasih ayah tak bertepi, walau berdepan situasi kesihatan yang teruk allahyarham tetap berikan sokongan tak berbelah bagi kepada anak sulungnya.

Sebelum ayahnya menghembuskan nafas terakhir, tiga pesanan ditinggalkan dan menjadi pegangan Muhamad Ajmal setiap masa.

"Pertama, ayah nak abang janji dengan ayah macam mana teruk pun kau jatuh, kau mesti naik balik. Janji dengan ayah buat balik bisnes ini.

"Tak kisah kau nak buat makanan ke apa, ayah sokong. Janji dengan ayah buat balik sampai jadi.

"Sebelum subuh, bangun tahajud dua rakaat. Pemalas macam mana pun, kau buat tahajud dua rakaat. Pergi subuh berjemaah ke masjid hari-

hari dan ajar kepada anak cucu," pesan ayahnya.

Pesan kedua, merajakan dan menjaga ibu sebaik mungkin kerana di situ ada keberkatan hidup.

Pesan ketiga, tidak meninggalkan solat tahajud dan melakukan solat subuh berjemaah.

Sementara itu, pada sesi One on One terakhir bersama Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman beliau berpesan agar berjumpa dengan pengasas Subdepo, Mohd. Hilmi Abdul Ghani untuk belajar berniaga tepi jalan.

"Saya pun jumpa Hilmi Subdep. Dia pun salah seorang Titan juga. Hilmi bagi saya jadi francais. Saya pun mula berniaga Subdep (ayam gunting). Saya buat setahun, dah nampak macam mana nak buat," jelasnya.

SOKONGAN CIRCLE

Walau terpaksa memulakan perniagaan baharu, itu tidak membuatkan Muhamad Ajmal terus berduka cita dan kesal dengan keadaan yang berlaku.



Tegasnya, walau berdepan waktu sukar adalah penting untuk berada dalam circle yang betul.

"Tapi jujur saya cakap, sebab circle yang baik, rakan-rakan Titan datang beri sokongan kepada saya.

"Ajmal kau macam mana sekarang, Ajmal kau kena bangkit balik. Kau kena buat balik," ujarnya.

Pada masa sama, beliau juga berfikir apa yang membuatkan syarikatnya dahulu dapat berkembang dengan cepat.

"Saya fikir, dulu aku belajar dengan Dr. Azizan. Takkan lah aku tak balik dengan Dr. Azizan. Sebab itu saya mohon untuk kembali ke Titan setelah memulakan perniagaan baharu," katanya.

Sementara itu, mengimbau kembali detik perjalanan pertamanya bila menghadiri kelas RichWorks, Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) pada 2014.

"Dulu nak pegi IMKK saya jual segala barang yang ada dalam stor. Tengok barang apa yang

“DR. AZIZAN ISTIMEWA SEBAB DIA MEMUDAHKAN APA YANG DIA BELAJAR YANG COMPLICATED. ILMU ITU JADI MUDAH UNTUK KITA TERIMA.”





ada, saya jual guna platform mudah.my,” kongsinya menunjukkan pengorbanan yang dilakukan demi mendapatkan ilmu.

HUBMEAL

Hikmah daripada PKP, Muhamad Ajmal memulakan bisnes baharu, Hubmeal.

Kata-kata mentor sering dalam fikirannya, setiap masalah ada peluang.

Ketika berjalan di pusat beli belah IOI, beliau melihat restoran makanan Korea yang mendapat sambutan.

Muhamad Ajmal mendapati ketika pelanggan sedang ramai, pihak restoran akan berhenti seketika mengambil pesanan daripada Grab dan Foodpanda.

Menyedari peluang ini, daripada menawarkan ayam gunting sahaja beliau menambah menu baharu ayam goreng Korea.

“Hubmeal ini saya fokus kepada ayam goreng Korea. Hubmeal juga menyediakan platform untuk usahawan belajar berniaga dan nak mulakan perniagaan.

“Walaupun di jalanan, pada 2023 kami nak menghasilkan 100 usahawan Hubmeal,” tegasnya lagi.



Malah, untuk memulakan Hubmeal beliau turut banyak merujuk kepada rakan Titan, Nordin Mat dan Najib Jalil yang mengusahakan GTR Burger.

27 GURU BISNES

Bukan seorang, tetapi Muhamad Ajmal mempunyai 27 orang guru dalam bidang perniagaan dari dalam dan luar negara.

"Habis belajar dengan Dr. Azizan masa program pertama, saya belajar dengan 26 guru yang lain termasuk Tony Robbins.

"Ratus ribu labur untuk ilmu, belajar daripada bangsa Cina, ke Singapura, Bangkok dan tempat lain," kongsinya.

Menurut Muhamad Ajmal, bagaimanapun program yang dijalankan berbentuk kelas dan seminar bukan coaching seperti dianjurkan RichWorks.

"Coaching itu penting, kedua siapa yang coaching kita. Dapat coach yang salah habis. Di luar ramai orang mengaku coach, tapi results tak ada," tegasnya.

Walau mempunyai 27 orang guru dalam bidang perniagaan, baginya Dr. Azizan paling istimewa.

"Dr. Azizan istimewa sebab dia memudahkan apa yang dia belajar yang complicated. Ilmu itu jadi mudah untuk kita terima.

"Dr. Azizan juga "Islamikkan" ilmu dari barat. Ibarat dapat western food, diberi steak tapi Dr. Azizan ubah jadi nasi lemak.

"Dengan cara lebih 'Melayu dan Islamik'. That kind of value mahal walau saya dah belajar dengan guru lain," jelasnya mengapa terus belajar dan menerima bimbingan dalam Titanium.



PENCAPAIAN

Walau baru sahaja memulakan Hubmeal pada 2021, syarikatnya Hub 360 Sdn. Bhd. berjaya mencatat jualan RM548,415 dan setakat November 2022 telah mencatat jualan RM751,855

Bermula dengan satu cawangan pada May 2022, tidak sampai setahun beroperasi kini Hubmeal mempunyai 7 cawangan.

Bagi yang mahu menikmati kelazatan ayam Korea dan mahu jadi usahawan anda boleh layari laman web Hubmeal, www.hubmeal.my dan TikTok @ hubmeal.my.

NASIHAT HUBMEAL



PERTAMA, jaga hubungan dengan Allah dan jangan bergantung pada yang lain

"Jagalah hubungan kita dengan Allah. Jangan bergantung kepada yang lain kecuali Allah, yakin dengan Allah SWT."

"Pada awalnya, kadang-kadang kita tak nampak hikmah di sebalik sesuatu yang berlaku. Bila muhasabah semula, baru kita tahu dan Allah berikan yang lebih baik," jelasnya.

KEDUA, sekali jatuh bangkit 10 kali sehingga berjaya.

"Jangan putus asa, jika jatuh sekali mesti bangkit 10 kali. Bak kata Dr. Azizan dalam bual bicara bersama Datuk Aznil Nawawi, bukan senang nak senang. Ada struggle dan pengorbanan yang perlu dilalui sebelum berjaya," ujarnya.

KETIGA, lupakan kata-kata negatif yang dilemparkan.

"Apa pun orang cakap, lupakan sahaja, jangan peduli apa yang orang cakap. Orang cakap macam mana sekalipun jangan kisah, jalan terus. Akan ada orang tak puas hati, akan ada orang benci. Nabi pun ada haters," katanya.

KEEMPAT, bersama right circle.

"Biasa dan selalu orang cakap duduk dalam right circle, tapi memang sangat penting. Jika sedang down, duduk dengan orang down memang boleh 'meninggal'.

"Duduklah dengan orang yang boleh bagi energi, lebih baik daripada kita," nasihat Muhammad Ajmal kepada bangsa usahawan yang lain. ●

INDUSTRI MAKANAN HALAL

Industri makanan halal berpotensi tinggi untuk dibangunkan selaras dengan hasrat negara menjadi pusat produk dan barang halal serantau.

Industri ini mampu memberikan pulangan lumayan memandangkan ia mendapat sokongan penuh kerajaan dengan penyediaan pelbagai prasarana pemasaran, pemberian dasar, khidmat sokongan dan pengiktirafan.

Malaysia sebagai sebuah negara Islam, majoriti penduduknya beragama Islam dengan kepelbagaiannya kaum dan agama lain mempunyai kelebihan untuk menerajui industri ini.

Ini disokong oleh kesedaran tentang kepentingan makanan halal dan selamat, peningkatan kuasa beli Muslim, penggunaan produk halal oleh penduduk bukan Islam.

Komitmen kerajaan dan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pemprosesan produk halal merupakan antara faktor yang boleh menggerakkan industri ini.

PROSPEK PASARAN

Pasaran global untuk makanan halal semakin menguntungkan. Industri pemprosesan makanan halal mempunyai prospek pasaran yang luas untuk dibangunkan secara global.

Menurut artikel dikeluarkan Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, potensi pasaran bagi produk ini dianggarkan berada dalam lingkungan RM1,330 –RM1,520 bilion setahun berdasarkan populasi penduduk Islam sedunia mencelik 1.8 billion.

Sekiranya industri pemprosesan makanan halal tempatan berupaya menembusi sekurang-

kurangnya lima peratus daripada pasaran dunia, ia akan meningkatkan pendapatan negara sebanyak US\$17 bilion.

Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), pengeluar makanan halal Malaysia berjaya mengeksport makanan yang diproses ke 80 buah negara.

Potensi pasaran produk makanan halal dijangka akan terus meningkat memandangkan banyak negara berlumba-lumba untuk mengeluarkannya.

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) mengenal pasti enam negara yang berpotensi besar untuk produk makanan halal di Asia Barat iaitu Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Kuwait, Oman, Qatar dan Bahrain.

TREND GLOBAL

Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour berkata, buat masa ini pasaran halal domestik negara bernilai kira-kira RM300 bilion yang menyumbang tujuh peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Mengulas lanjut, trend global membabitkan ekonomi halal di mana penggunaan perkhidmatan dan barang halal dunia dijangka berkembang pada 3.5 peratus setiap tahun mencecah AS\$2.4 trillion menjelang 2024, memberikan naratif baik dengan prospek sangat besar untuk Malaysia.

Pihaknya menyaksikan peningkatan sokongan institusi kewangan Islam terhadap sektor halal dalam beberapa tahun kebelakangan ini di mana terdapat 10,800 permohonan syarikat yang disahkan halal menggunakan kemudahan itu.

INSTITUSI KEWANGAN

Antara faktor penting yang menyumbang kepada trend positif pasaran halal domestik adalah cadangan nilai dalam kewangan Islam yang memperluaskan keupayaan institusi bagi menawarkan perantaraan kredit menjangkaui asas perbankan.

Skop perniagaan sejagat di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 membolehkan institusi kewangan Islam menggerakkan pelbagai sumber dana untuk memberikan penyelesaian yang bermakna.

Keupayaan bank Islam untuk menstrukturkan akaun pelaburan antaranya bersesuaian dengan profil risiko menawarkan peluang menarik bagi pelanggan untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka di pelbagai subsektor halal.

Selain itu, rangkaian institusi kewangan Malaysia yang luas dalam memudahkan eksport halal untuk memasuki pasaran serantau turut membantu.

Peningkatan minat dari negara ASEAN yang merupakan 42 peratus daripada populasi Muslim global serta permintaan dari negara Asia lain seperti Jepun, Korea dan Vietnam memberi manfaat kepada perniagaan halal domestik.

Sehingga kini sebanyak tiga institusi kewangan Malaysia berjaya memanfaatkan jaringan global dan kerjasama strategik untuk membantu pengeksport halal mendapatkan akses ke pasaran baharu.

Faktor lain yang menyumbang ialah kemampuan institusi kewangan Islam untuk memudahkan perniagaan beralih kepada amalan lebih

PENINGKATAN MINAT DARI NEGARA ASEAN YANG MERUPAKAN 42 PERATUS DARIPADA POPULASI MUSLIM GLOBAL SERTA PERMINTAAN DARI NEGARA ASIA LAIN SEPERTI JEPUN, KOREA DAN VIETNAM MEMBERI MANFAAT KEPADA PERNIAGAAN HALAL DOMESTIK.

mampan yang menjadi elemen penting dalam memastikan jangka hayat perniagaan, sekali gus menjadi prasyarat transaksi oleh rakan dagang.

POTENSI

Secara dasarnya industri halal tidak hanya tertumpu kepada produk makanan dan minuman semata-mata, namun ia termasuk perkhidmatan seperti kewangan, logistik, pelancongan, kosmetik dan farmaseutikal.

Namun, industri halal kini mengalami situasi kekurangan bekalan dalam pasaran global.

Untuk itu, penggiat halal tempatan perlu mengambil peluang meneroka potensi ke luar negara dan mewujudkan bahagian pasaran lebih besar dalam pasaran halal global.

Tambahan pula, kesedaran dan kepercayaan menggunakan produk halal dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam semakin meningkat dan ia mewujudkan prospek sangat besar untuk Malaysia.

Jika anda masih terfikir-fikir apa perniagaan yang mahu diteroka atau memulakan perniagaan, industri halal ada jawapannya. 



**Business
Evaluation
Success
Transformation**



BISNES CHECK-UP:

- Duit koyak!
- Bisnes sakit
- Perniagaan sendiri tapi tak ada gaji
- Buat bisnes lagi tak ada masa, lebih baik bekerja!
- Sales macam banyak tapi tak tahu pergi mana
- Staf ramai tapi macam semua kena buat sendiri

<https://richworks.com/best>

PLATFORM **ZOOM**



MILLIONAIRE MARKETING MASTERCLASS

NOV 2022 - FEB 2023

A faint, grayscale graphic of a globe showing continents and a network of connecting lines and dots, centered at the bottom of the page.

richworks.com/mmm



E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAHINI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.